

**Ketua Pembangkang DUN Pulau Pinang Digantung  
mStar Online  
Mei 09, 2012**

**GEORGE TOWN:** Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada Rabu meluluskan usul bagi menggantung Ketua Pembangkang, Datuk Azhar Ibrahim kerana membuat kenyataan menghina dewan.

Speaker DUN membenarkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 34(4) dan 34(9) bagi merujuk Azhar ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana menyatakan hansard DUN kemungkinan boleh dimanipulasi.

Bagaimanapun Azhar tidak hadir pada persidangan hari ini.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/5/9/mstar\\_berita/20120509121021&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/5/9/mstar_berita/20120509121021&sec=mstar_berita)